

Zaidi, Malim terharu Dr. M, Hasmah namakan anak mereka

JITRA 21 Nov.— Kehadiran cahaya mata bagi pasangan Mohd. Zaidi Hamzah dan Siti Hajar Darus serta Abd. Malim Ibrahim dan Nurshidah Saad amat bermakna bagi mereka apabila nama anak kedua-dua pasangan itu diberikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Anak perempuan kepada Mohd. Zaidi, 26, dan isterinya, Siti Hajar, 19, diberi nama Siti Khadijah oleh Dr. Mahathir manakala anak Abd. Malim, 32, dan isterinya, Nurshidah, 31, pula diberi nama Nurhafizah oleh Dr. Siti Hasmah.

Kedua-dua pasangan tersebut ketika ditemui di Hospital Jitra dekat sini kelihatan ceria kerana tidak menyangka pasangan pemimpin yang banyak menyumbang jasa kepada negara itu sudi memberikan nama kepada anak-anak mereka.

Mohd. Zaidi berkata, beliau sungguh terharu dengan kesudian bekas Perdana Menteri itu memberikan nama kepada anak sulungnya yang baru berusia lima hari.

“Saya harap anak saya ini akan mengikut jejak langkah Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang disegani di dalam dan luar negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menerima lawatan dan sumbangan Hari Raya Aidilfitri daripada Dr. Mahathir dan isteri.

Sementara itu, Nurshidah berkata, beliau dan suaminya merasa bangga kerana pasangan pemimpin negara itu sanggup meluangkan masa melawat mereka selain tidak keberatan menamakan anak keempatnya itu.

“Saya tidak sangka anak saya ini akan diberikan nama oleh pasangan pemimpin negara,” katanya sambil tersenyum.

Sebanyak 60 pesakit di wad kanak-kanak, wad perempuan dan wad lelaki menerima sumbangan Hari Raya Aidilfitri tersebut.